

Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia

AB. HALIM MOHAMAD

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan sebab yang menghalang penggunaan bahasa Arab. Kajian telah dijalankan terhadap 130 orang pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di lima buah IPTA (UPM, UKM, UM, UIAM, dan USIM). Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA tempatan adalah rendah, sama ada di dalam ataupun luar bilik kuliah. Tahap penggunaan bahasa Arab yang rendah itu disebabkan oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman adalah perasaan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari seperti malu, tidak yakin, takut, tidak bersemangat dan sebagainya. Dapatan kajian ini memberi implikasi praktikal terhadap teknik dan kaedah pengajaran bahasa Arab dalam usaha mempertingkatkan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab.

Kata Kunci: Tahap penguasaan bahasa, bahasa Arab, kaedah pengajaran bahasa

ABSTRACT

The purpose of this study was to investigate the using of Arabic among the students of Bachelor of Arabic at the Local Higher Institutions (IPTA) and to find out the reasons which obstruct the using of Arabic among them. The research has been carried out among 130 students of Bachelor of Arabic at the Local Higher Institutions (UPM, UKM, UM, UIAM, and USIM). The results shown the level of using Arabic among the students of Bachelor of Arabic at IPTA either in the classroom or out-site classroom is low and did not satisfied. This is because of the external and internal factors. The internal factors are the feelings of students toward the Arabic language such as shy, not confident, afraid, not courageous, ect. The results of this research may affect the implication practical of technique and method of teaching of Arabic in order to uplift the using of Arabic among the Arabic Bachelor students.

Keywords: Level of language achievement, Arabic language, language teaching methode

PENDAHULUAN

Komunikasi ialah hubungan yang wujud antara manusia melalui media bahasa dan juga media lain. Dalam komunikasi melalui bahasa, orang berkomunikasi dalam perbualan dan juga melalui bahasa tertulis (Asmah 1989: 61). Komunikasi antara manusia merupakan aktiviti perseorangan dan perkumpulan. Aktiviti perseorangan bermula dengan idea daripada penutur yang dipindahkan melalui kaedah komunikasi kepada penerima dan akhirnya terjadi proses komunikasi secara perkumpulan (Ta'imah 1989: 13; t.th: 30). Komunikasi juga merupakan proses yang saling berkaitan yang melibatkan empat pembentuk asas, iaitu perutusan (risalah), penghantar, cara, dan penerima (Ta'imah 2006: 158). Canale (1983: 4) menyifatkan komunikasi sebagai "exchange and negotiation of information between at least two individuals through the use of verbal and non-verbal symbols, oral and written visual models, and production and comprehension processes".

Penguasaan bahasa komunikasi merupakan penguasaan pada taraf yang paling tinggi kerana ia merupakan penguasaan dalam pembentukan ayat (Asmah 1989:61). Kemuncak keupayaan berbahasa itu terletak kepada kebolehan membentuk ayat-ayat yang unggul dan sempurna mengikut sistem nahu (Chomsky 1965). Kemahiran komunikasi bukan sahaja terletak pada keupayaan membentuk ayat secara gramatik, tetapi berupaya menggunakan bahasa itu dalam konteks sosial, wacana dan strategi dengan betul (Canale 1983: 1; Ta'imah 2006: 174). Kemahiran komunikasi bukan sahaja menuntut supaya mahir dalam tatabahasa dan kosa kata, tetapi juga mahir dalam peraturan bertutur. Sebagai contoh, penutur tahu waktu yang sesuai untuk memulakan percakapan, apa tajuk yang sesuai dan bagaimana memulakannya (Nessa 1983: 61).

Dari segi aspek komunikasi pula, terdapat kumpulan aktiviti yang memerlukan seseorang itu menggunakan bahasa. Aspek komunikasi bagi setiap individu berbeza dengan individu yang lain berdasarkan perbezaan persekitaran, situasi kehidupan, ciri individu, kefasihan berbahasa sebagai alat komunikasi, kadar masa komunikasi, dan faktor-faktor perbezaan lain dalam bidang komunikasi bahasa (Ta'imah 1989: 17). Secara umum, aspek komunikasi itu berkisar dalam konteks yang antara lainnya bertujuan untuk membentuk hubungan sosial, memberi respon terhadap sesuatu perkara, menyembunyikan niat dan perasaan, meminta dan memberi maklumat, mengajar melakukan sesuatu, perbualan melalui telefon, menyelesaikan masalah, membincang sesuatu idea, permainan bahasa, memainkan peranan kemasyarakatan, mengembirakan perasaan orang lain dan lain-lain lagi (River dan Temperley 1978: 47). Terdapat tujuh aspek komunikasi yang dinamakan sebagai fungsi komunikasi bahasa, iaitu faedah, pengurusan, tindak balas, individu, penyelidikan, khayalan dan penerangan (Halliday 1973; Ta'imah 2001: 46-47).

Komunikasi memerlukan kecekapan berbahasa yang dipanggil "communicative competence" (Hymes 1972). Tahap kecekapan berbahasa dalam sesuatu bahasa mempunyai hubungan dengan tahap penggunaan bahasa dalam konteks kehidupan seseorang (Ta'imah 1989: 17). Dalam konteks penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia (IPTA), didapati bahawa mereka menghadapi masalah berkomunikasi dan tidak mencapai tahap keterampilan yang memuaskan dalam bahasa Arab. Ramai

kalangan pensyarah IPTA tempatan bercakap tentang kemerosotan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA (Osman 1994: 126; Ismail 1994: 146). Kelemahan pelajar IPTA dalam menguasai bahasa Arab sudah diketahui umum dan amat mendukacitakan. Mereka kurang mampu membaca dan memahami bahasa surat khabar (Muhamad Pisol et al. 2005: 165). Kelemahan pelajar pada hari ini merupakan isu benar yang tidak dapat disangkal. Kelemahan mereka yang ketara terletak pada perbendaharaan kata, morfologi, nahu (sintaksis) dan gaya bahasa (uslub) (Mat Taib, 2008: 94-96). Zarima, Zakaria dan Taj Rijal (2008: 160) menyifatkan bahawa kebanyakan pelajar lemah dalam pertuturan dan penulisan serta kurang yakin dalam bahasa Arab. Abdul Rahim (2005: 21) pula menyatakan bahawa kemerosotan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan graduan universiti sangat dirasai sekarang ini, khususnya pelajar lepasan bahasa Arab dari IPTA Malaysia.

Ab. Halim dan Che Radiah (2007: 139) dalam kajiannya berkaitan aspek kolokasi terhadap 155 orang pelajar IPTA Malaysia mendapati bahawa majoriti mereka masih lemah dan kurang membanggakan. Aspek kolokasi yang diuji ialah aspek penggunaan huruf, kata nama dan kata kerja. Keputusan menunjukkan bahawa 45.2 pelajar berada pada tahap lemah, dan 54.2 peratus berada pada tahap sederhana. Ab. Halim (2005) dalam kajiannya terhadap 30 orang pelajar Semester 4 dan 6 jurusan Bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia (UPM) didapati majoritinya tidak dapat memahami ayat Arab dengan baik. Ini dapat dilihat melalui hasil penterjemahan mereka terhadap struktur ayat Arab yang mengandungi al-maf'ul al-mutlaq (objek mutlak), al-maf'ul al-fih (keterangan masa dan tempat), al-hal (perihal keadaan), al-maf'ul li'ajlih (keterangan sebab), al-tamyiz (penjelasan), al-istithna' (pengecualian), al-nat' (sifat), al-tanazu' (perebutan), dan imbuhan kata kerja.

Kelemahan pelajar bukan Arab berkomunikasi dalam bahasa Arab merupakan perkara biasa. Hal ini kerana pelajar-pelajar Arab sendiri pun dikatakan lemah dalam bahasa Arab, terutamanya dari segi pembacaan dan penulisan. Mengikut Nihad (1990: 12), pensyarah bidang Bahasa Arab di universiti melahirkan kerisauan mereka terhadap kelemahan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar mereka. Kelemahan pelajar dapat dikesan melalui kesalahan tatabahasa, morfologi dan rencana (imla'). Nihad (2003: 166) juga menggambarkan kelemahan pelajar universiti ketika disuruh membaca teks seolah-olah beliau menaiki sebuah kereta yang dipandu oleh pemandu yang hilang kawalan sehingga jatuh menjunam ke dalam gaung disebabkan banyak kesalahan tatabahasa dalam pembacaan mereka.

Apa yang dapat disimpulkan melalui perbincangan ini ialah komunikasi memerlukan kemahiran berbahasa yang tinggi, termasuklah bahasa paralinguistik dan wacana. Penutur bukan sahaja perlu mahir dalam membentuk ayat yang betul dan gramatis mengikut sistem tatabahasa, tetapi juga perlu mempunyai kemahiran sosiolinguistik, wacana dan strategi. Kelemahan pelajar bahasa Arab dalam aspek-aspek tersebut mungkin akhirnya boleh menyebabkan mereka mengelak daripada menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi. Hal ini ditambah pula dengan wujudnya perasaan negatif seperti malu bercakap, takut salah, tidak yakin, dan sebagainya ketika berkomunikasi dalam bahasa Arab.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA tempatan. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengkaji:

1. Sejauh manakah tahap komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA tempatan?
2. Apakah faktor yang menghalang mereka daripada menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi?

METODOLOGI

Kajian dijalankan terhadap 130 orang pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di lima buah IPTA tempatan yang menawarkan program Sarjana Muda Bahasa Arab. Universiti yang dimaksudkan itu ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Sebanyak 162 borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar yang mengikuti bidang pengkhususan Bahasa Arab. Pemilihan pelajar dilakukan secara rambang dan terdiri daripada pelajar tahun pertama, kedua dan akhir. Daripada jumlah soal selidik yang diedar, sebanyak 130 atau 80.3 peratus borang soal selidik telah dipulangkan.

ASPEK KAJIAN

Kajian tertumpu kepada dua perkara, iaitu tahap penggunaan bahasa Arab dalam kehidupan pelajar dan aspek dalaman atau perasaan mereka terhadap bahasa Arab. Pelajar ditanya tahap penggunaan bahasa Arab di dalam bilik kuliah, luar bilik kuliah, di kantin, di asrama, di perpustakaan, di bilik pensyarah, bersama penutur asli dan di tempat membeli-belah. Dalam aspek dalaman pula, pelajar ditanya tentang sikap negatif yang biasanya menjadi penghalang kepada penggunaan bahasa Arab dalam kehidupan mereka seperti sifat malu, rendah diri, kurang keyakinan, takut diketawakan rakan, takut diejek, takut disindir, tidak bersemangat dan takut tersalah.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian tentang tahap penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar pengkhususan Bahasa Arab dikaji ketika belajar di dalam bilik kuliah, di luar bilik kuliah, di hostel atau asrama, di perpustakaan dan di tempat membeli belah.

1. Tahap Komunikasi Bahasa Arab di dalam Bilik Kuliah

Jadual 1 menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan bahasa Arab di antara 0-29% ketika berkomunikasi dengan kawan-kawan di dalam bilik kuliah ialah 58.5% (76 orang). Sebanyak 27.7% menggunakan di antara 30-49%, manakala yang melebihi 49% hanyalah 12.3% sahaja (16 orang). Majoriti pelajar (86.2%) menggunakan bahasa Arab kurang daripada 49% ketika berkomunikasi sesama kawan-kawan di dalam bilik kuliah. Jumlah pelajar yang menggunakan bahasa Arab bawah daripada 30% ialah 76 orang (58.5%).

Jadual 1: Tahap Komunikasi Pelajar dalam Bahasa Arab dengan Kawan-kawan di dalam Bilik Kuliah

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|-----------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| 70% hingga 100% | 1 | 0.8 | 0.8 | 0.8 |
| 50% hingga 69% | 15 | 11.5 | 11.5 | 12.3 |
| 30% hingga 49% | 36 | 27.7 | 27.7 | 40.0 |
| 10% hingga 29% | 39 | 30.0 | 30.0 | 70.0 |
| 00% hingga 09% | 37 | 28.5 | 28.5 | 98.5 |
| Tiada respons | 2 | 1.5 | 1.5 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

2. Tahap Komunikasi Bahasa Arab di Kantin

Jadual 2 menunjukkan bahawa hanya 2.3% pelajar yang menggunakan bahasa Arab dengan kawan-kawan di kantin melebihi 50%. Dapatan menunjukkan bahawa 43.1% (56 orang) pelajar menggunakan hanya 0-9% bahasa Arab ketika berkomunikasi dengan kawan-kawan di kantin.

Jadual 2: Tahap Komunikasi Pelajar dalam Bahasa Arab dengan Kawan-kawan di Kantin

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|-----------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| 70% hingga 100% | 1 | 0.8 | 0.8 | 0.8 |
| 50% hingga 69% | 3 | 2.3 | 2.3 | 3.1 |
| 30% hingga 49% | 25 | 19.2 | 19.2 | 22.3 |
| 10% hingga 29% | 41 | 31.5 | 31.5 | 53.8 |
| 00% hingga 09% | 56 | 43.1 | 43.1 | 96.9 |
| Tiada respond | 4 | 3.1 | 3.1 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

3. Tahap Komunikasi Bahasa Arab di Luar Bilik Kuliah

Dapatan menunjukkan bahawa 33.8% pelajar hanya menggunakan 0-9%, manakala 33.8% menggunakan 10-29% ketika berkomunikasi bahasa Arab di luar bilik kuliah. Sebanyak 23.1% (30 orang) pelajar menggunakan 30-49%. Hanya 6.2% (8 orang) yang menggunakan bahasa Arab ketika komunikasi dengan kawan-kawan di luar bilik kuliah. Majoriti pelajar, iaitu 67.6% (88 orang) hanya menggunakan bahasa Arab di antara 0-29% ketika berkomunikasi dengan kawan-kawan di luar bilik kuliah.

Jadual 3: Tahap Komunikasi Pelajar dalam Bahasa Arab dengan Kawan-kawan di Luar Bilik Kuliah

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|-----------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| 70% hingga 100% | 0 | 0.0 | 0.0 | 0.0 |
| 50% hingga 69% | 8 | 6.2 | 6.2 | 6.2 |
| 30% hingga 49% | 30 | 23.1 | 23.1 | 29.2 |
| 10% hingga 29% | 44 | 33.8 | 33.8 | 63.1 |
| 00% hingga 09% | 44 | 33.8 | 33.8 | 96.9 |
| Tiada respond | 4 | 3.1 | 3.1 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

4. Tahap Komunikasi Bahasa Arab di Asrama

Jadual 4 menunjukkan bahawa 40% pelajar menggunakan 0-9% bahasa Arab ketika berkomunikasi dengan kawan-kawan di asrama. Sebanyak 34.6% pelajar (45 orang) menggunakan di antara 10-29%. Manakala 16.9% (22 orang) pula menggunakan 30-49%. Hanya 5.4% (7 orang) yang menggunakan antara 50-69%. Majoriti pelajar, iaitu 74.6% (97 orang) menggunakan bahasa Arab di antara 0-29% ketika berkomunikasi dengan kawan-kawan di asrama.

Jadual 4: Tahap Komunikasi Pelajar dalam Bahasa Arab dengan Kawan-kawan di Asrama

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|-----------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| 70% hingga 100% | 0.0 | 0.0 | 0.0 | 0.0 |
| 50% hingga 69% | 7 | 5.4 | 5.4 | 5.4 |
| 30% hingga 49% | 22 | 16.9 | 16.9 | 22.3 |
| 10% hingga 29% | 45 | 34.6 | 34.6 | 56.9 |
| 00% hingga 09% | 52 | 40.0 | 40.0 | 96.9 |
| Tiada respond | 4 | 3.1 | 3.1 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

5. Tahap Komunikasi Bahasa Arab di Rumah Sewa

Jadual 5 menunjukkan bahawa 43.1% menggunakan hanya 0-9% bahasa Arab ketika berkomunikasi dengan kawan-kawan di rumah sewa. Sebanyak 34.6% pelajar (45 orang) menggunakan 10-29%, manakala 13.8% (18 orang) menggunakan 30-49%. Hanya 4.6% (6 orang) sahaja yang menggunakan bahasa Arab melebihi 49%. Majoriti pelajar, iaitu 77.7% (101 orang) menggunakan bahasa Arab di antara 0-29% ketika berkomunikasi dengan kawan-kawan di rumah sewa

Jadual 5: Saya Berkomunikasi dalam Bahasa Arab Dengan Kawan-kawan di Rumah (Sewa)

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|-----------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| 70% hingga 100% | 1 | 0.8 | 0.8 | 0.8 |
| 50% hingga 69% | 5 | 3.8 | 3.8 | 4.6 |
| 30% hingga 49% | 18 | 13.8 | 13.8 | 18.5 |
| 10% hingga 29% | 45 | 34.6 | 34.6 | 53.1 |
| 00% hingga 09% | 56 | 43.1 | 43.1 | 96.2 |
| Tiada respond | 5 | 3.8 | 3.8 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

6. Tahap Komunikasi Bahasa Arab di Tempat Membeli Belah

Jadual 6 menunjukkan bahawa majoriti pelajar, iaitu 56.9% menggunakan bahasa Arab hanya 0-9% ketika berkomunikasi mereka di tempat membeli belah. Sebanyak 27.7% pelajar (36 orang) hanya menggunakan 10-29%, manakala 10.8% (14 orang) menggunakan 30-49%. Hanya 1.5% (2 orang) yang menggunakan di antara 50-69%. Majoriti pelajar, iaitu 84.6% (110 orang) menggunakan bahasa Arab di antara 0-29% ketika berkomunikasi di tempat membeli belah.

Jadual 6: Tahap Komunikasi Pelajar dalam Bahasa Arab di Tempat Membeli Belah

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|-----------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| 70% hingga 100% | 0 | 0.0 | 0.0 | 0.0 |
| 50% hingga 69% | 2 | 1.5 | 1.5 | 1.5 |
| 30% hingga 49% | 14 | 10.8 | 10.8 | 12.3 |
| 10% hingga 29% | 36 | 27.7 | 27.7 | 40.0 |
| 00% hingga 09% | 74 | 56.9 | 56.9 | 96.9 |
| Tiada respond | 4 | 3.1 | 3.1 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

7. Tahap Komunikasi Bahasa Arab di Perpustakaan

Jadual 7 menunjukkan bahawa 34.6% (45 orang) pelajar menggunakan bahasa Arab sebanyak 0-9% ketika berkomunikasi dengan kawan-kawan di perpustakaan. Sebanyak 35.4% pelajar (46 orang) menggunakan 10-29%, manakala 23.1% (30 orang) menggunakan 30-40%. Hanya 3.1% (4 orang) yang menggunakan 50-69%. Majoriti pelajar, iaitu 70% (91 orang) menggunakan bahasa Arab di antara 0-29% ketika berkomunikasi dengan kawan-kawan di perpustakaan.

Jadual 7: Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dengan Kawan-kawan di Perpustakaan

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|-----------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| 70% hingga 100% | 0 | 0.0 | 0.0 | 0.0 |
| 50% hingga 69% | 4 | 3.1 | 3.1 | 3.1 |
| 30% hingga 49% | 30 | 23.1 | 23.1 | 26.2 |
| 10% hingga 29% | 46 | 35.4 | 35.4 | 61.5 |
| 00% hingga 09% | 45 | 34.6 | 34.6 | 96.2 |
| Tiada respond | 5 | 3.8 | 3.8 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

8. Tahap Komunikasi Bahasa Arab di Bilik Pensyarah

Jadual 8 menunjukkan bahawa 20% (26 orang) pelajar menggunakan bahasa Arab sebanyak 0-9% ketika berkomunikasi dengan pensyarah di luar bilik kuliah dan ketika bertemu dengan pensyarah. Sebanyak 24.6% pelajar (32 orang) menggunakan 10-29%, manakala 38.5% (50 orang) menggunakan 30-49%. Hanya 10.8% (14 orang) menggunakan di antara 50-69% dan 3.1% (4 orang) yang menggunakan 70-100%. Majoriti pelajar, iaitu 63.1% (82 orang) menggunakan bahasa Arab di antara 10-49% ketika berkomunikasi dengan pensyarah di luar bilik kuliah dan ketika bertemu dengannya.

Jadual 8: Tahap Komunikasi Pelajar dalam Bahasa Arab Bersama Pensyarah di luar Bilik Kuliah

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|-----------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| 70% hingga 100% | 4 | 3.1 | 3.1 | 3.1 |
| 50% hingga 69% | 14 | 10.8 | 10.8 | 13.8 |
| 30% hingga 49% | 50 | 38.5 | 38.5 | 52.3 |
| 10% hingga 29% | 32 | 24.6 | 24.6 | 76.9 |
| 00% hingga 09% | 26 | 20.0 | 20.0 | 96.9 |
| Tiada respond | 4 | 3.1 | 3.1 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

9. Tahap Komunikasi Bahasa Arab dengan Pelajar Asing (Arab)

Jadual 9 menunjukkan bahawa 29.2% pelajar (38 orang) menggunakan bahasa Arab sebanyak 0-9% ketika berkomunikasi dengan pelajar Arab dan pelajar asing lain. Sebanyak 30.8% pelajar (40 orang) menggunakan 10-29%, manakala 19.2% (25 orang) menggunakan 30-49%. Hanya 10% (13 orang) yang menggunakan 50-69% dan 6.2% (8 orang) yang menggunakan 70-100%. Majoriti pelajar, iaitu 60% (78 orang) menggunakan bahasa Arab di antara 0-29% sahaja ketika berkomunikasi dengan pelajar Arab dan pelajar asing lain.

Jadual 9: Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dengan Pelajar Arab dan Pelajar Asing

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|-----------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| 70% hingga 100% | 8 | 6.2 | 3.1 | 6.2 |
| 50% hingga 69% | 13 | 10.0 | 10.8 | 16.2 |
| 30% hingga 49% | 25 | 19.2 | 38.5 | 35.4 |
| 10% hingga 29% | 40 | 30.8 | 24.6 | 66.2 |
| 00% hingga 09% | 38 | 29.2 | 20.0 | 95.4 |
| Tiada respond | 6 | 4.6 | 3.1 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

10. Tahap Komunikasi Bahasa Arab di dalam Bilik Kuliah

Jadual 10 menunjukkan bahawa 13.1% pelajar (17 orang) menggunakan bahasa Arab sebanyak 0-9% ketika berkomunikasi dengan diri sendiri, 31.5% (41) menggunakan 10-29% dan 33.8% (44 orang) menggunakan antara 30-49%. Sebanyak 13.8% pelajar (18 orang) lagi menggunakan bahasa Arab di antara 50-69%. Hanya 4.6% (6 orang) yang menggunakan 70-100%. Majoriti pelajar, iaitu 65.3% (85 orang) menggunakan bahasa Arab di antara 10-49% ketika berkomunikasi dengan diri sendiri.

Jadual 10: Saya Cuba Berkomunikasi dengan Diri Sendiri (dengan Diri Saya) dalam Bahasa Arab

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|-----------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| 70% hingga 100% | 6 | 4.6 | 4.6 | 4.6 |
| 50% hingga 69% | 18 | 13.8 | 13.8 | 18.5 |
| 30% hingga 49% | 44 | 33.8 | 33.8 | 52.3 |
| 10% hingga 29% | 41 | 31.5 | 31.5 | 83.8 |
| 00% hingga 09% | 17 | 13.1 | 13.1 | 96.9 |
| Tiada respond | 4 | 3.1 | 3.1 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

Dapatan kajian dalam aspek dalaman dibincangkan dalam tujuh perkara, iaitu perasaan malu, rendah diri, tidak yakin, takut disindir, takut diketawakan kawan, kurang bersemangat, dan takut melakukan kesalahan.

1. Malu Bercakap Bahasa Arab

Kajian menunjukkan bahawa 41 orang pelajar atau 32.2% sangat bersetuju dan bersetuju bahawa perasaan malu menjadi penghalang utama untuk mereka tidak berkomunikasi dalam bahasa Arab. Perbezaan secara lebih terperinci dapat dilihat dalam Jadual 11.

Jadual 11: Malu Bercakap Bahasa Arab

| Skala | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|---------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| Sangat setuju | 9 | 6.9 | 6.9 | 6.9 |
| Setuju | 33 | 25.4 | 25.4 | 32.3 |
| Kurang setuju | 55 | 42.3 | 42.3 | 74.6 |
| Tidak setuju | 28 | 21.5 | 21.5 | 96.2 |
| Tidak pasti | 3 | 2.3 | 2.3 | 98.5 |
| Tiada respon | 2 | 1.5 | 1.5 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

2. Merasa Rendah Diri

Kajian menunjukkan bahawa 41 orang pelajar atau 32.2% sangat bersetuju dan bersetuju bahawa perasaan rendah diri menjadi penghalang utama kepada mereka untuk tidak berkomunikasi dalam bahasa Arab. Perbezaan secara lebih terperinci dapat dilihat dalam Jadual 12.

Jadual 12: Merasa Rendah Diri

| Skala | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|---------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| Sangat setuju | 4 | 3.1 | 3.1 | 3.1 |
| Setuju | 37 | 28.5 | 28.5 | 31.5 |
| Kurang setuju | 42 | 32.3 | 32.3 | 63.8 |
| Tidak setuju | 40 | 30.8 | 30.8 | 94.6 |
| Tidak pasti | 4 | 3.1 | 3.1 | 97.7 |
| Tiada respon | 3 | 2.3 | 2.3 | 100 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

3. Tidak Yakin kepada Diri Sendiri

Kajian menunjukkan bahawa 73 orang pelajar atau 65.2% sangat bersetuju dan bersetuju bahawa perasaan tidak yakin dengan kebolehan menjadi penghalang utama untuk mereka tidak berkomunikasi dalam bahasa Arab. Perbezaan secara lebih terperinci dapat dilihat dalam Jadual 13.

Jadual 13: Tidak Yakin kepada Diri Sendiri

| Skala | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|---------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| Sangat setuju | 11 | 8.5 | 8.5 | 8.5 |
| Setuju | 62 | 47.7 | 47.7 | 56.2 |
| Kurang setuju | 40 | 30.8 | 30.8 | 86.9 |
| Tidak setuju | 14 | 10.8 | 10.8 | 97.7 |
| Tidak pasti | 1 | 0.8 | 0.8 | 98.5 |
| Tiada respon | 2 | 1.5 | 1.5 | 100 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

4. Takut Diketawakan Kawan

Kajian menunjukkan bahawa 48 orang pelajar atau 36.9% sangat bersetuju dan bersetuju bahawa perasaan takut diketawakan oleh kawan sepengkhurusan adalah antara penghalang utama untuk mereka tidak berkomunikasi dalam bahasa Arab. Perbezaan secara lebih terperinci dapat dilihat dalam Jadual 14.

Jadual 14: Takut Diketawakan Kawan-kawan

| Skala | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|---------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| Sangat setuju | 8 | 6.2 | 6.2 | 6.2 |
| Setuju | 40 | 30.8 | 30.8 | 36.9 |
| Kurang setuju | 45 | 34.6 | 34.6 | 71.5 |
| Tidak setuju | 32 | 24.6 | 24.6 | 96.2 |
| Tidak pasti | 3 | 2.3 | 2.3 | 98.5 |
| Tiada respon | 2 | 1.5 | 1.5 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

5. Takut Disindir Kawan

Kajian menunjukkan bahawa 45 orang pelajar atau 34.6% sangat bersetuju dan bersetuju bahawa perasaan takut disindir oleh kawan-kawan adalah antara penghalang utama untuk mereka tidak berkomunikasi dalam bahasa Arab. Perbezaan secara lebih terperinci dapat dilihat dalam Jadual 15.

Jadual 15: Takut Disindir Kawan-kawan

| Skala | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|---------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| Sangat setuju | 8 | 6.2 | 6.2 | 6.2 |
| Setuju | 37 | 28.5 | 28.5 | 34.6 |
| Kurang setuju | 37 | 28.5 | 28.5 | 63.1 |
| Tidak setuju | 43 | 33.1 | 33.1 | 96.2 |
| Tidak pasti | 3 | 2.3 | 2.3 | 98.5 |
| Tiada respon | 2 | 1.5 | 1.5 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

6. Tidak Bersemangat Berkomunikasi dalam Bahasa Arab

Kajian menunjukkan bahawa 26 orang pelajar atau 20% sangat bersetuju dan bersetuju bahawa perasaan tidak bersemangat adalah menjadi salah satu penghalang utama untuk mereka tidak berkomunikasi dalam bahasa Arab. Perbezaan secara lebih terperinci dapat dilihat dalam Jadual 16.

Jadual 16: Tidak Bersemangat untuk Berkomunikasi dalam Bahasa Arab

| Skala | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|---------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| Sangat setuju | 4 | 3.1 | 3.1 | 3.1 |
| Setuju | 22 | 16.9 | 16.9 | 20.0 |
| Kurang setuju | 49 | 37.7 | 37.7 | 57.7 |
| Tidak setuju | 47 | 36.2 | 36.7 | 93.8 |
| Tidak pasti | 6 | 4.6 | 4.6 | 98.5 |
| Tiada respon | 2 | 1.5 | 1.5 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

7. Takut Tersilap Menggunakan Bahasa Arab

Kajian menunjukkan bahawa 77 orang pelajar atau 59.2% sangat bersetuju dan bersetuju bahawa perasaan takut tersilap bahasa adalah menjadi penghalang utama untuk mereka tidak berkomunikasi dalam bahasa Arab. Perbezaan secara lebih terperinci dapat dilihat dalam Jadual 17.

Jadual 17: Takut Tersilap Menggunakan Bahasa Arab

| Skala | Kekerapan | Peratus | Peratus Sah | Peratus Kumulatif |
|---------------|------------|--------------|--------------|-------------------|
| Sangat setuju | 12 | 9.2 | 9.2 | 9.2 |
| Setuju | 65 | 50.0 | 50.0 | 59.2 |
| Kurang setuju | 38 | 29.2 | 29.2 | 88.5 |
| Tidak setuju | 12 | 9.2 | 9.2 | 97.7 |
| Tidak pasti | 1 | 0.8 | 0.8 | 98.5 |
| Tiada respon | 2 | 1.5 | 1.5 | 100.0 |
| Jumlah | 130 | 100.0 | 100.0 | |

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian memperkukuhkan kenyataan yang telah dibuat oleh Mahmud Kamil al-Naqah (1985: 179) bahawa kejayaan kemahiran bertutur bergantung kepada pelajar dan hanya akan berjaya sekiranya pelajar mengambil bahagian sepenuhnya. Kebanyakan pelajar yang tidak mengambil bahagian disebabkan oleh perasaan takut melakukan kesalahan, berasa bodoh apabila berhadapan kawan-kawannya yang pandai, malu diejek dan dipersendakan serta takut memulakan percakapan. Oleh itu, beberapa mekanisme perlu difikirkan bagaimana untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berani dan berketerampilan dalam berkomunikasi bahasa Arab. Dapatan yang diperoleh juga memberi implikasi secara langsung terhadap teknik dan kaedah pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Beberapa implikasi dapat disintesis yang mana jika diimplimentasikan secara terancang dan teratur akan membawa kepada tahap penggunaan bahasa Arab yang tinggi dalam kalangan pelajar pengkhususan Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Antara implikasi praktikal yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. Memperbanyakkan aktiviti lisan dalam pengajaran seperti perbualan, bercakap, menyanyi, bercerita, berlakon, berbincang, menyampaikan laporan, bersyarah, berpuisi, berbahas, permainan bahasa, bertemu ramah dan lain lain (Kamaruddin 1990: 93-196) serta memperbanyakkan bentuk latihan dan aktiviti (Osman 1994: 136).
2. Mempertingkatkan tindak balas antara pengajar dan pelajar. Ini kerana penganjaran ialah proses penyampaian dan komunikasi antara mereka serta berlaku hubungan saling mempengaruhi antara satu sama lain (Majdi 1997: 9). Prinsip-prinsip pengajaran yang baik ialah murid-murid hendaklah dilibatkan dengan aktif dalam proses pengajaran (Atan 1980: 262). Pengajaran dan pembelajaran bahasa di dalam bilik darjah perlu dirancang supaya pelajar terlibat aktif dalam interaksi bahasa yang bermakna sama seperti pembelajaran bahasa di rumah (Juriah 1998:16).
3. Memberi penekanan yang lebih kepada bentuk latihan komunikatif. Latihan komunikatif ini menekankan penggunaan bahasa secara semula jadi, bebas dan dalam konteks yang lebih luas seperti, perbualan bebas, perbincangan umum, mencatat keterangan, membuat ulasan secara lisan dan bertulis dan karangan bebas. Menurut Raji (1978: 180), pendekatan ini sesuai dengan tujuan utama pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah untuk komunikasi (Kamarudin 1990: 14; Hymes 1972).
4. Wujudkan persekitaran yang sesuai (*al-bi'ah al-lughawiyah*). Perkembangan bahasa dipengaruhi oleh persekitaran yang mencakupi faktor kebendaan dan

spiritual seperti individu, tabiat persekitaran, kebudayaan dan hubungan sosial (Zakaria 1991: 69).

5. Membentuk kurikulum pembelajaran bahasa yang seimbang dengan memberi penekanan pada tatabahasa dan sudut pembelajaran dan penghayatan bahasa. (Abbas Mahjub 1986: 68). Menggabungkan cabang-cabang bahasa yang berasingan seperti bacaan, nahu, rencana, karangan, khat dalam bentuk komunikatif bersepadu yang bertujuan mempertingkatkan kemahiran bahasa seperti mendengar, bercakap, membaca dan menulis.
6. Mempertingkatkan motivasi dan membuang sikap negatif pelajar yang menghalang proses pembelajaran bahasa. Antara cara untuk membangkitkan motivasi pelajar adalah melalui situasi bahasa dan kesalahan bahasa yang mereka lakukan. Ini kerana pelajar banyak berhadapan dengan pelbagai realiti dan situasi kehidupan yang melibatkan penggunaan bahasa, sama ada di sekolah (universiti) atau di luar sekolah (Mahmud Rusydi 1986: 214).

KESIMPULAN

Penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dalam konteks kehidupan mereka sebagai mahasiswa sangat rendah. Dengan perkataan lain, mereka tidak mempraktikkan penggunaan bahasa Arab dalam hubungan sesama mereka. Sepatutnya, pelajar menjadikan bahasa Arab itu sebagai bahasa utama mereka. Bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab sepatutnya menjadi amalan dan budaya mereka. Ini kerana bahasa Arab ialah bahasa pengkhususan dan mereka telah mempelajari serta mendalami selok-belok linguistik dan sastera Arab. Penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dilihat kurang memuaskan disebabkan oleh halangan dalaman yang wujud dalam diri mereka sendiri seperti malu, takut diketawakan kawan, takut diejek kawan, takut tersilap, kurang yakin, tidak berminat untuk bercakap dan sebagainya.

Kegagalan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia dalam mempraktikkan bahasa Arab dengan baik boleh menjejaskan keupayaan berkomunikasi dalam pembelajaran mereka. Wujudnya sikap negatif yang menjadi penghalang ke arah pembudayaan bahasa Arab dalam kalangan mereka menunjukkan kegagalan IPTA di Malaysia dalam menyediakan kurikulum yang sesuai dan kaedah pembelajaran yang berkesan.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad & Che Radiah Mezah. (2007). Kolokasi: Aspek penting dalam penguasaan Bahasa Arab. Dlm. Isu semasa dalam pendidikan tinggi. Jil. 5 (monograf). Pusat Pembangunan Akademik (CADE), Universiti Putra Malaysia.
- Ab. Halim Mohamad & Che Radiah Mezah. (2005). Ketepatan terjemahan struktur ayat Arab ke dalam bahasa Melayu: Satu kajian kes. Kertas kerja Seminar Antarabangsa MICOLLAC, anjuran Jabatan Bahasa Inggeris, FBMK, UPM 23-25 April 2005 di Holiday Villa, Subang Jaya.
- 'Ata, Ibrahim Muhammad. (1990). Turuq tadrīs al-lughah al-'Arabiyyah wa al-tarbiyah al-diniyyah. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Abdul Rahim Hj. Ismail. (2005). al-Dirasat al-'Arabiyyah fi al-dirasat al-'ulya wa-'alaqatiha bi-tarbiyah al-lughah al-'Arabiyyah fi Maliziya. Dlm. Pendidikan

- Islam dan bahasa Arab: Perspektif pengajian tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Naqah, Mahmud Kamil. (1985). Ta'lim al-lughah al-'Arabiyyah li ghayr al-natiqin bi lughah 'ukhra. Saudi Arabia, Ummu al-Qura: Jamiah Umm al-Qura.
- Asmah Haji Omar. (1989). Pengajaran bahasa untuk kemahiran berkomunikasi: Pendekatan wacana. Dlm. Asmah Haji Omar (Eds.). Kaedah pengajaran bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long. (1980). Pedagogi kaedah am mengajar. Selangor: Fajar Bakti.
- Brown, H. Douglas. (1987). Principles of language learning and teaching. 2nd Ed. New Jersey: Prentice. Hall, Inc.
- Chomsky, Noam. (1965). Aspects of the theory of syntax. The Hague: The M.I.T. Press.
- Halliday, Michael. (1973). Explorations in the functions of language. London: Edward Arnold.
- Hymes. D. (1972). On communacative competence. In. J.B. Pride & J. Holmes (Eds.) Sociolinguistics. Harmondsworth: Penguin.
- Ibrahim, Majdid Abdul Aziz. (1997). Maharah tadrish al-fa'al. Mesir, Kaherah: Maktabah al-Anglo, Mesir.
- Ismail Ibrahim. (1994). Pengajian dan pembelajaran agama Islam di pusat-pusat pengajian tinggi. Dlm. Abdul Halim El-Muhammady (Pnyt.). Pendidikan Islam dalam pembangunan ummah. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Juriah Long. (1998). Pengajaran bahasa Melayu secara aktif. Dlm. Juriah Long (Pnyt.). Inovasi dalam perkaedahan pengajaran bahasa, sains sosial dan teknologi maklumat. Bangi: Penerbit UKM.
- Kamaruddi Haji Husin. (1990). Pengajaran dan pembelajaran lisan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Khatir, Mahmud Rusydi. (1986). Turuq tadrish al-lughah al-'Arabiyyah wa al-tarbiyah al-diniyyah fi daw' al-ittijahat al-tarbawiyyah al-hadithah. Kaherah: Dar al-Marifah.
- Mahjub, 'Abbas. (1986). Musykilat ta'lim al-lughah al-'Arabiyyah: Hululun nazariyyah wa tatbiqat: Qatar: Dawhah.
- Mat Taib Pa. (2008). Isu-isu pengajaran bahasa dan kesusasteraan Arab di institut pengajian tinggi. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM pada 22-23 Mac 2008.
- Osman Haji Khalid. (1994). Pengajian dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia. Dlm. Abdul Halim El-Muhammady (Pnyt.). Pendidikan Islam dalam pembagunan ummah, 105-120. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Ramuni, Raji Mahmud. (1978). Tariqah al-tadribat al-muwahhadah. Dlm. al-Sijill al-'ilm li al-nadwah al-'alamiyyah al-'ula li-ta'lim al-lughah al-'Arabiyyah li-ghay al-natiqinabiha. Saudi Arabia, Riyadh: Jami'ah Riyad.
- Rivers, W. & M. Temperly. (1978). Teaching of English as a second or fereign language. New York: Oxford University Press.
- Ta'imah, Rusydi Ahmad. (1989). Ta'lim al-'Arabiyyah li ghay al-natiqina biha: manahijuhu wa asalibuhu. Ribath: al-Munazzamah al-Islamiyyah li-al-Tarbiyah wa al-'ulum wa al-Thaqafah (ISESCO).
- Ta'imah, Rusydi Ahmad. (2001). Manahij ta'lim al-lughah al-'Arabiyyah bi-al-ta'lim al-asasi. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

- Ta'imah, Rusydi Ahmad. (2006). *al-Maharah al-lughawiyah: Mustawiyatuha tasrisuha su'ubatuh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ta'imah, Rusydi Ahmad. (t.th.). *al-Marji' fi ta'lim al-lughah al-'Arabiyyah li-al-natiqina bi-lughat ukhra*. Makkah al-Mukarramah: Jami'ah Um al-Qura.
- Wolfson, Nessa. (1983). *Rules of speaking*. Dlm. *Language and communication*. Jack C. Richards & Richard W. Schmidt (Eds.). London: Logman Group Limited.
- Zakaria Ismail. (1991). *Turuq tadrīs al-lughah al-'Arabiyyah*. Mesir, Iskandariyah: Dar al-Ma'rifah al-Jami'iyah.
- Zarima Mohd, Zakaria & Taj Rijal Muhd Ramli. (2008). *Sejarah perkembangan program minor bahasa Arab di Fakulti Bahasa UPSI*. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan kesusasteraan Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM pada 22-23 Mac 2008.

Biodata

Dr. Ab. Halim Mohamad merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang Selangor Darul Ehsan. e-mail: abhalim@fbmk.upm.edu.my.